

PROGRAM PERANTIS SEDIA ADA BAGI MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Mazlan Abu Seman^[1], Adnan Zulkiple^[2]

^{[1],[2]}Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang
^[1]mazlan@hotmail.co.uk; ^[2]adnanz@ump.edu.my

ABSTRAK

Mengikut unjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), terdapat pertambahan graduan sebanyak 4.74% setahun. Seiring dengan perancangan peningkatan kadar pelajar di IPT, adalah dijangkakan bilangan pengangguran di kalangan graduan juga akan meningkat sekiranya tindakan sokongan tidak dilaksanakan. Oleh yang demikian, KPT telah melancarkan pelbagai Program Kebolehpasaran Graduan IPT. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan dan keberkesanan program perintis atau perantis yang telah dijalankan Universiti Malaysia Pahang (UMP), namun laporan keberkesanan dan kelestarian program-program sukar didapati untuk dijadikan panduan dalam merangka dan melaksanakan program-program perantis baharu di UMP. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengumpul semula maklumat berkaitan sebagai rujukan bagi penambahbaikan dan rujukan program perantis yang akan dilaksanakan kelak.

Kata kunci: perantis, perintis, kebolehpasaran graduan

1.0 PENGENALAN

Program Perantis yang dijalankan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan salah satu dari tiga inisiatif yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik UMP untuk dicapai menjelang tahun 2015 di bawah KRA (*Key Result Area*) 1: Peningkatan Kualiti Akademik UMP. Bagi tahun 2012, *Key Performance Index* (KPI) yang ditetapkan bagi program perantis adalah perancangan atau pelaksanaan awal satu program bagi satu fakulti. Daripada Kamus Dewan, perintis bermaksud jalan orang dan lain-lain yang pertama sekali mengusahakan (mengerjakan) sesuatu, pembuka jalan, pemuka, penganjur. Manakala perantis bermaksud orang yang bekerja dengan tujuan untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang. Dengan adanya program perintis ini, ia akan menjadikan pasaran bakal graduan dari UMP akan dikenali oleh industri dari segi kualiti yang memenuhi kehendak industri semasa. Ini bersesuaian dengan hasil kajian Institution of Engineers Malaysia (IEM) yang mendapati, majikan luar dan dalam negara mempunyai persepsi yang berbeza di mana, majikan luar negara sanggup melabur untuk melatih jurutera baru manakala kebanyakan majikan di dalam negara mahukan graduan yang terlatih. Bagi graduan kejuruteraan, dalam bulan November 2007 Jawatan Kuasa Tetap Peperiksaan dan Latihan IEM telah menerima permintaan dari Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Korporat IEM untuk mengkaji peluang mengenalkan skilm latihan jurutera muda kerana banyak pihak berpendapat graduan-graduan kurang bersedia dari segi pendedahan industri semasa bergraduan. Maklumat dari *Tracer study* tahun 2010 oleh Kementerian Pengajian Tinggi mendapati lebih kurang 73,000 daripada 93,000 graduan Ijazah Sarjana Muda telah mendapat pekerjaan atau melanjutkan pengajian

dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Manakala selebihnya, iaitu lebih kurang 20,000 graduan didapati masih menganggur dalam tempoh tersebut. Kerajaan telah memperkenalkan program-program khas sebagai langkah jangka pendek bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan berkenaan. Antaranya, program latihan dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Bank Negara Malaysia, Khazanah dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi menyediakan peluang latihan kepada sejumlah 12,000 graduan. Ini bermakna, daripada sejumlah 20,000 graduan yang menganggur, seramai 8,000 orang masih tidak berpeluang menjalani latihan tambahan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka. Pada masa yang sama, terdapat juga graduan yang telah bekerja tetapi tidak setimpal dengan kelulusan (*underemployed*) [1].

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Banyak program perintis atau perantis telah dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia, namun laporan keberkesanan dan kelestarian program-program sukar didapati untuk dijadikan panduan dalam merangka dan melaksanakan program-program perantis di UMP. Kajian pemanduan (pilot study) untuk semua program-program perantis yang bakal dijalankan pada masa akan datang mesti menerapkan kaedah yang lebih sistematik bagi mengelak isu atau masalah yang sama berulang.

3.0 PROJEK PERANTIS SEDIA ADA

Temubual bersama wakil dari Falkulti Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) iaitu Dr. Mazlina Bt. Abdul Majid, Dr. Ruzaini B. Abdullah dan Dr. Rohani Bt. Abu Bakar secara kesimpulannya, boleh dikatakan, fakulti fokus kepada kehendak industri bagi bakal graduan mereka. Seperti yang telah di ketahui oleh fakulti, Malaysia tidak dapat menandingi India sebagai kuasa besar di dalam bidang teknologi informasi dan perhubungan (ICT). Oleh yang demikian, fakulti menetapkan fokus dalam penyediaan tenaga mahir bagi membentuk Malaysia sebagai pusat ujian serantau. Kekosongan ini telah menyebabkan negara terpaksa mengambil tenaga mahir dari luar bagi tujuan tersebut. Bagi memenuhi kehendak tersebut, fakulti berusaha membentuk modul minor / elektif yang ditawarkan kepada pelajar untuk dipilih bagi memenuhi fokus yang telah ditetapkan. Modul ini akan menjurus pelajar kepada empat bidang yang berlainan kepakaran iaitu; Science Computer, System & Networking, Graphic & Multimedia dan Software Engineering. Modul minor yang dibentuk itu juga diselaraskan dengan perkembangan industri semasa.

Modul-modul elektif yang dibentuk ini terhasil disebabkan hasil kerjasama baik dengan pihak industri dalam bidang kepakaran masing-masing. Sebagai langkah awal untuk menjalinkan kerjasama dengan industri, pensyarah beserta kakitangan teknikal di hantar untuk latihan di syarikat yang terpilih, seterusnya akan menduduki ujian sijil kepakaran yang umumnya diiktiraf di dalam bidang masing-masing. Bagi menjalinkan kerjasama ke peringkat lebih baik, pelajar dari fakulti di hantar untuk menjalani latihan industri di syarikat berkenaan. Ini menyebabkan pelajar mempunyai peluang yang lebih cerah untuk di serap ke dalam syarikat tersebut setelah menamatkan latihan industri. Setelah kakitangan fakulti mempunyai kepakaran bagi sijil kepakaran yang telah diduduki, seterusnya modul elektif / minor dibentuk mengikut kehendak keperluan sijil kepakaran masing-masing dan diterapkan kedalam kurikulum fakulti.

4.0 KERJASAMA DENGAN INDUSTRI

4.1 IBM & HeiTech Padu

Penubuhan Pusat Kecemerlangan IBM (IBM-CoE) di kampus merupakan yang pertama di Malaysia. Ini memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama dengan HeiTech Padu Berhad dan IBM. Dengan penubuhan pusat ini, pelajar akan dibekalkan dengan kemahiran Sistem Z dan teknologi IBM dalam memenuhi keperluan pembangunan teknologi IT. Ini sekaligus menghasilkan graduan berkemahiran tinggi dan professional yang diperakui oleh IBM. Jalinan kerjasama ini juga akan dapat menangani kebergantungan kepakaran dari luar bagi sistem mainframe Z di Malaysia. Penubuhan ini juga berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hub kemahiran teknikal dan pakar IT pada masa akan datang. Melalui kerjasama ini, IBM akan menyediakan perisian, kursus, latihan dan ujian yang diperlukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan IBM. Manakala, HeiTech Padu akan menyediakan perkakasan infrastruktur, penempatan latihan industri dan peluang pekerjaan kepada bakal graduan UMP khususnya. Walaupun asal penubuhan Pusat Kecemerlangan IBM adalah untuk bidang sistem mainframe, akan tetapi akan diperkembangkan kepada bidang software pada masa akan datang [2]



Gambar 4.1: Pelancaran IBM CoE pada 9 March 2011

4.2 Malaysian Software Testing Board (MSTB)

Melalui kerjasama dengan MSTB, 21 orang pelajar telah terpilih bagi menjalani Pilot Programmes yang dijalankan oleh MSTB bagi kali ke dua selepas UTM. Melalui kerjasama ini pelajar akan menduduki ujian Certified Tester Foundation Level (CTFL) bagi skim Q-Capability Development di mana mereka akan menjalani kursus professional selama empat hari sebelum menduduki ujian. Bahan pengajaran yang digunakan dalam kursus tersebut dibentuk mengikut kerja professional dalam bidangnya [3]. Selain daripada ujian tersebut, pelajar juga berpeluang bagi ujian Certified Tester Advanced Level (CTAL) Certified Tester Advanced Level (CTAL) dan Certified Professional in Requirements Engineering (CPRE). Pemilihan pelajar bagi mengikuti program berkaitan adalah berdasarkan kepada pencapaian di dalam kelas. Melalui MSTB, fakulti juga terlibat dengan program Q-College Corp (QCC) bagi melahirkan lebih ramai golongan professional dalam bidang ujian perisian computer. Bagi program ini, diberikan pendedahan dengan pelbagai ujian perisian yang dikehendaki syarikat yang terlibat dan dipantau oleh Malaysia Software Testing Hub (MSTH). Selain itu, pelajar juga mempunyai peluang untuk mengikuti kursus pendek seperti HP Certified Professional Certification [4].



Gambar 4.2: Pelajar UMP menduduki ujian CTFL

4.3 Multimedia Development Corporation (MDEC)

Melalui hubungan dengan Multimedia Development Corporation (MDEC) yang bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang berstatus MSC mengadakan finishing school bagi menambah kemahiran bakal graduan. Diantara program yang mendapat anjuran oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah Program Infosys “Campus Connect”, di mana penganjuran program ini diperkenalkan sejak enam tahun lalu yang bermula di India. Program asas ini dibentuk oleh Education and Research Department, Infosys untuk membantu pelajar terutama yang berada di tahun akhir dalam bidang teknologi maklumat (IT) sebelum melangkah ke alam kerjaya yang sebenar. Pelajar yang dipilih bagi hasil kerjasama yang dijalankan oleh MDEC akan menjalani latihan industri atau program berkaitan selama tiga hingga enam bulan seperti yang dicadangkan oleh MDEC dan syarikat yang mengambil bahagian bersama. Bagi mengikuti program yang disediakan, pelajar perlu menduduki ujian terlebih dahulu sebelum dipilih ke dalam program yang disediakan [5].



Gambar 4.3: UMP sebagai tuan rumah bagi Infosys Campus Connect 2012.

4.4 SAP Malaysia

Mengetahui lebih daripada 700 syarikat di Malaysia dan 176,000 syarikat di serata dunia menggunakan SAP solution untuk pengendalian bisnes bagi “effective enterprise management”, fakulti telah menandatangani untuk mengambil bahagian “enterprise solution provider SAP’s MyUniAlliance-SAP programme”. Program perintis ini telah dijalankan pada October 2011, UMP merupakan di antara tujuh institusi pengajian tinggi Malaysia yang

menyertai bagi siri yang ke dua. Dengan kerjasama ini, fakulti akan menerapkan latihan SAP yang berkaitan kepakaran syarikat ke dalam silabus akademik sebagai subjek minor / elektrif yang berkaitan [6]. Selain SAP Malaysia, fakulti juga akan menerapkan kepakaran Oracle ke dalam silabus pendidikan fakulti [7].

Selain mensasarkan kerjasama yang erat dengan industri, fakulti juga mensasarkan setiap Projek Sarjana Muda (PSM) akan mempunyai jalinan dengan pihak industry. Projek yang telah berjaya disiapkan adalah projek bersama SUK Pahang bagi pembangunan sistem pengurusan kelas dan asrama bagi sekolah agama di negeri Pahang. Perkhidmatan ini diberikan secara percuma bagi memebentuk hubungan baik yang akan memberi kebaikan kepada fakulti di masa hadapan.



Gambar 4.4: Tujuh institusi pengajian tinggi yang menyertai MyUniAlliance-SAP.

5.0 KESIMPULAN

Melalui hasil kerjasama yang erat dengan pihak industri dan silabus fakulti dikemaskini berpandukan kepada perkembangan semasa, maklumat daripada fakulti menyatakan sebanyak 80% graduan mendapat perkerjaan sebelum majlis graduasi. Selain daripada pelajar berpeluang menjalani latihan yang kondusif dengan industri di Malaysia, ada juga yang berpeluang menjalani latihan di luar negara seperti India, Korea dan Taiwan. Didapati jugak, latihan industri yang diadakan dalam semester akhir selama 6 bulan memberikan peluang lebih cerah kepada bakal graduan untuk di ambil bekerja sebelum tamat pengajian mereka. Keberkesaan kerjasama dengan pihak industri memberi kesan yang positif terhadap kualiti bakal graduan bagi persediaan awal kealam pekerjaan, akan tetapi pengambilan pelajar adalah berkurangan berbanding daripada siri yang pertama. Oleh yang demikian, tindakan yang proaktif dalam mengadaptasi keperluan dan syarat bagi sijil kepakaran yang diiktiraf industri ke dalam silabus kurikulum fakulti adalah diperlukan.

RUJUKAN

- [1] Teks ucapan YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Majlis Pelancaran Program Skim Latihan 1Malaysia Fasa Kedua, 29September2011.
- [2] <http://community.ump.edu.my/ecommsstaff/includes/viewNewsToPublic.jsp?ref=2585>

- [3] <http://www.mstb.org/softec/download/BugFree%202012%20Vol%201.pdf>
- [4] <http://www.mstb.org/softec/download/BugFree%202011%20Vol%205.pdf>
- [5] <http://community.ump.edu.my/ecomstaff/includes/viewNewsToPublic.jsp?ref=7789>
- [6] <http://www.computerworld.com.my/resource/management-and-careers/education-and-training/seven-more-ihls-join-saps-malaysian-university-alliance/?page=2>
- [7] <http://www.hardwarezone.com.my/tech-news-universiti-malaysia-pahang-moves-forward-oracle-solutions>